

Projek penswastasaan dikaji

Usaha kenal pasti skop projek RMK-9 ikut kemampuan kewangan kerajaan

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mengkaji semula projek penswastasaan yang dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dengan meneruskan langkah mengemas kini dan penambahbaikan program itu.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman selaku Pengerusi Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara, berkata setiap cadangan projek penswastasaan akan dikenal pasti atas inisiatif kerajaan, manakala skop projek ditetapkan mengikut keperluan serta kemampuan kewangan kerajaan.

Pada masa sama, dasar penswastasaan akan terus menjadi strategi penting bagi menyumbang pertumbuhan ekonomi negara serta mempertingkatkan pembangunan dan penyertaan usahawan Bumiputera.

Sehubungan itu, agensi kerajaan peringkat Persekutuan dan negeri perlu mengenal pasti cadangan penswastasaan berdaya maju untuk dilaksanakan dalam tempoh RMK-9 hingga 2010.

Beliau berkata, kerajaan juga akan meneliti semula pendekatan projek yang membabitkan perkhidmatan dan caj atau tarif kepada pengguna.

"Bagi projek membabitkan tanggungjawab sosial dan kos yang tinggi, kerajaan akan meneliti kemungkinan membiayai kos modal bagi mengurangkan kesan terhadap caj atau tarif kepada pengguna.

"Pihak swasta pula akan terus diberi peranan mengendali operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan supaya masyarakat menikmati perkhidmatan lebih cekap dan berkualiti.

"Bagi mempertingkatkan keberkesanan kawal selia dan pemantauan projek penswastasaan, kerajaan akan

mempercepatkan penubuhan beberapa suruhanjaya yang dikenal pasti, di samping mewujudkan badan kawal selia tertentu sebelum projek penswastasaan bidang baru dilaksanakan," katanya dalam pekeliling mengenai penyediaan rangka RMK-9 untuk semua kementerian dan jabatan kerajaan serta agensinya.

Samsudin berkata, dalam tempoh RMK-9, kerajaan akan memberi penekanan kepada konsep pembangunan dengan 'sentuhan kemanusiaan' atau pembangunan berasaskan rakyat.

Konsep itu diperkenalkan bagi memastikan hasil pertumbuhan ekonomi negara dinikmati dan diagihkan secara saksama kepada rakyat pelbagai kaum.

Berikutan itu, katanya, matlamat utama RMK-9 adalah untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat progresif, bersatu padu dan adil.

"Dalam suasana ekonomi dan geo-

politik dunia yang masih tidak menentu, penekanan utama dasar ekonomi makro bagi RMK-9 adalah untuk meneruskan agenda Dasar Wawasan Negara bagi meningkatkan daya tahan dan daya saing ekonomi.

"Ini bagi memastikan negara tidak mudah terjejas berikutan perubahan persekitaran, terutama di luar negara. Usaha akan ditumpukan kepada menggiatkan pertumbuhan ekonomi supaya taraf dan kualiti hidup rakyat dikekalkan," katanya.

Beliau berkata, langkah pembasmian kemiskinan pula akan terus diperhebatkan kerana masih wujud kelompok rakyat miskin walaupun negara sedang mengecapi kemakmuran.

Katanya, teras agenda penyusunan semula masyarakat juga akan diteruskan dalam tempoh RMK-9 bagi memastikan penyertaan lebih seimbang dan saksama di kalangan pelbagai kumpulan etnik.

FAKTA

Rancangan Malaysia Kesembilan

- Penekanan penyertaan dan pemilikan berkesan ekuiti Bumiputera sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang 2010
- Penekanan kepada pembangunan sumber manusia
- Sistem penyampaian perkhidmatan lebih cekap
- Teras dasar ekonomi bertumpu kepada pertumbuhan ekonomi mapan
- Inflasi rendah dan harga stabil serta kadar pengangguran rendah
- Dasar mesra perniagaan, termasuk mempercepatkan langkah deregulasi ekonomi serta mengurangkan kerenah birokrasi